



## MEMUPUK TABIAT MENABUNG YANG POSITIF

### ***Selamat Hari Menabung Kebangsaan yang ke-9!***

**Mulakan menabung dari peringkat awal agar awda dapat memenuhi keperluan semasa dan masa depan awda, mencapai matlamat kewangan, dan akhirnya memperolehi kebebasan kewangan.**

28 MEI menandakan hari istimewa di Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Menabung Kebangsaan.

Hari Menabung Kebangsaan disambut setiap tahun sejak pelancarannya pada tahun 2015.

Antara objektif Hari Menabung Kebangsaan adalah:

- Mempromosikan budaya menabung dan pengurusan wang yang berhemah;
- Meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam; dan
- Meluaskan kesedaran terhadap produk dan perkhidmatan kewangan yang terdapat di negara ini.

Budaya menabung adalah selaras dengan budaya Brunei kita seperti yang dicerminkan dalam peribahasa Melayu, "Sediakan payung sebelum hujan" – yang mengajar kita untuk sentiasa bersedia dalam apa jua kecemasan atau kejadian yang tidak dijangka. Oleh itu, menanamkan amalan menabung dalam setiap individu adalah penting, terutamanya dari usia muda lagi.

Marilah kita memupuk tabiat kewangan yang positif dan memulakan amalan menabung kita. Berikut adalah beberapa tip mengenai cara-cara untuk memulakan simpanan awda:

### **Bina dana kecemasan**

Dana kecemasan boleh membantu melindungi diri daripada kesulitan kewangan, seperti kemalangan kereta, kecemasan kesihatan, atau kehilangan pendapatan. Jumlah dana kecemasan yang disarankan adalah sekurang-kurangnya 3 hingga 6 bulan daripada perbelanjaan bulanan awda. Dana ini tidak sepatutnya disamakan dengan simpanan biasa awda kerana ia hanya boleh digunakan bagi kecemasan sahaja.

### **Amalkan menabung secara aktif**

Pastikan awda menabung secara aktif. Ini bermaksud mengasingkan sebahagian pendapatan awda terlebih dahulu sebelum berbelanja. Menabung dengan mempunyai matlamat tertentu akan memberikan kepuasan kerana dapat mencapai apa yang dituju. Oleh itu, tetapkanlah matlamat kewangan bagi jangka masa pendek, sederhana, dan panjang apabila awda menabung.



### **Memanfaatkan teknologi**

Tetapkan arahan melalui bank supaya sebahagian gaji awda dipindahkan secara automatik ke akaun simpanan awda secara bulanan atau secara berkala. Dengan cara ini, awda tidak perlu setiap kali untuk memindahkan wang kepada akaun simpanan awda secara manual– ia sudah dilakukan untuk awda. Berbincanglah dengan bank atau institusi kewangan awda tentang cara melakukannya.

### **Membuat perbandingan**

Gunakanlah hak pengguna awda dengan bertanya mengenai produk kewangan agar awda memahami kebaikan dan risikonya sebelum melanggan. Bandingkan produk-produk simpanan yang ditawarkan oleh bank-bank atau syarikat-syarikat insurans/takaful, untuk memastikan awda memilih produk yang paling sesuai dengan matlamat kewangan awda.

### **Menggalakkan dan mengamalkan tabiat kewangan positif dari awal**

Jadikanlah aktiviti menabung wang itu menyeronokkan, terutamanya untuk anak-anak dan orang tersayang agar tabiat kewangan yang positif itu akan berterusan dalam jangka masa yang panjang. Contohnya, awda boleh memberi tanda pada tabung duit syiling dengan matlamat simpanan yang berbeza; menabung setiap nota \$5; atau membuat cabaran menabung yang menarik. Tabiat menabung akan lebih berkesan apabila dimulakan dari usia muda lagi dengan galakan dan amalan yang berpatutan.

### **Berwaspada dengan penipuan kewangan**

Berhati-hatilah terhadap taktik penipuan kewangan. Dengan peningkatan “*influencer*” atau pengengaruh kewangan yang tidak berkelayakan di media sosial, sesetengah daripada mereka mungkin memberikan nasihat yang tidak tepat. Kemungkinan juga ada di antara nasihat-nasihat tersebut tidak bersesuaian untuk kesemua individu, ataupun menggesa awda untuk melanggan produk dan perkhidmatan kewangan yang tidak berlesen, yang boleh jadi satu penipuan kewangan. Sentiasalah berwaspada dan janganlah mengikut nasihat-nasihat kewangan tersebut tanpa usul periksa. Awda boleh memperoleh nasihat kewangan yang disesuaikan khusus buat awda daripada perancang kewangan yang berlesen/berkelayakan dari Persatuan Perancang Kewangan Brunei Darussalam (FPAB) atau dari institusi-institusi kewangan yang dilesenkan oleh BDCB.

### **Amalan selain menabung**

Pada masa ini, kita menghadapi persekitaran harga barang dan perkhidmatan yang semakin meningkat di seluruh dunia. Oleh itu, walaupun menabung adalah penting, aspek-aspek lain dalam perancangan kewangan juga perlu dipertimbangkan, terutamanya perlindungan harta melalui produk takaful/insurans; produk-produk pelaburan melalui institusi-institusi kewangan yang berlesen di bawah BDCB, dan juga perancangan persaraan.